

Delegasi PM ke China lakar sejarah

Lawatan sulung
Anwar perkukuh
kerjasama,
terima komitmen
pelaburan
RM170.07 bilion

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Beijing: Lawatan kerja rasmi tiga hari Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bersama delegasi ke China yang berakhir Jumaat lalu, menempa kejayaan dan sejarah tersendiri buat negara.

Selain terus mengukuhkan hubungan dua hala yang sedia terjalin sejak 1974, Malaysia juga menerima komitmen serta keyakinan tinggi tokoh perniagaan dan industri China, untuk terus menggandakan pelaburan mereka ke Malaysia.

Keyakinan diserlahkan mereka itu bersandar kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara bebas tanpa memihak, selain pendekatan mesra pelabur dan perniagaan yang dipraktik kerajaan selama ini.

Sejumlah RM170.07 bilion nilai komitmen pelaburan keseluruhan diterima hasil lawatan Perdana Menteri dan delegasi, jumlah tertinggi pernah dicapai, mencakupi pelbagai segmen perniagaan, di samping RM2.44 bilion lagi sebagai potensi nilai eksport produk ke China.

Pelaburan besar diperoleh itu, antara lain dijana hasil pemeteraian 19 Memorandum Persefahaman (MoU), antara perniagaan di China dan Malaysia dalam pelbagai bidang, terutamanya teknologi hijau dan ekonomi digital.

Untuk rekod, China sudah menjadi rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009. Pada 2022, jumlah perdagangan dua



Anwar bersama rakyat Malaysia di Beijing pada lawatan kerja rasmi tiga hari Perdana Menteri ke China.

hala bernilai RM487.13 bilion (AS\$110.62 bilion), meningkat 15.6 peratus daripada 2021.

Dari segi pelaburan, China adalah pelabur langsung asing terbesar di Malaysia tahun lalu, dengan pelaburan berjumlah RM55.16 bilion (AS\$12.5 bilion).

Hasil lawatan sulung Anwar ke China juga berjaya memeterai persefahaman bagi memperkuat kerjasama dalam bidang pendidikan, merangkumi Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta kerjasama penyelidikan dengan Universiti Tsinghua di Malaysia.

Kedua-dua negara bersetuju meningkatkan kerjasama dalam pembangunan vaksin serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi tinggi dan digitalan ekonomi.

Kerajaan Malaysia juga bersetuju berunding dengan syarikat penerbangan tempatan untuk meningkatkan frekuensi penerbangan bagi kemasukan pelancong di kedua-dua negara.

Anwar pada sidang media mengakhiri lawatan kerja rasmi di China, turut berkongsi hasil pertemuan beliau dengan Presiden China, Xi Jinping dan rakan sejawatan, Li Qiang.

Pertemuan Anwar dan Jinping itu adalah pertemuan empat mata pertama dan bersejarah antara kedua-dua pemimpin berkenaan, yang mengadakan mesyuarat selama hampir sejam.

Beliau berkata, kedua-dua pihak bersetuju merencanakan hubungan perdagangan dan kerjasama ekonomi di bawah Inisiatif Jalur dan Lualan (BRI), termasuk mempercepatkan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Anwar berkata, Malaysia dan China turut bersetuju untuk meneroka bidang kerjasama baharu, termasuk pembuatan kereta generasi baharu menerusi projek Automotive Hi-Tech Valley (AHTV) serta industri halal.

Projek AHTV, yang membabitkan kerjasama DRB-HICOM Berhad, mewakili Malaysia dan syarikat China, Geely, dijangka menarik pelaburan bernilai kira-kira RM32 bilion untuk tempoh 10 tahun akan datang, termasuk pelaburan daripada syarikat kereta nasional PROTON.

Projek skala mega membabitkan pembukaan di kawasan berkeluasan dianggarkan kira-kira 405 hektar (1,000 ekar), untuk dibangun sebagai hab kenderaan generasi akan datang di Tanjung Malim, Perak, juga mampu mencipta puluhan ribu peluang pekerjaan kepada belia tempatan.

Dari segi politik dan diplomasi, lawatan sulung rasmi Anwar ke China itu juga adalah bersempena ulang tahun ke-10 penubuhan Perkongsian Strategik Komprehensif Malaysia-China tahun ini.

Malaysia-China juga akan menyambut ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik pada 2024.

Dalam catatannya di Facebook, Anwar berkata, acara rasmi di Beijing itu adalah sebahagian daripada upaya untuk menyegarkan kembali hubungan antara kedua-dua negara di era pascapandemik.

"Sambutan dan tumpuan yang diterima hebat dan luar biasa. Saya menganggap ini satu perkembangan sangat positif. Kunjungan ini ternyata memberi manfaat besar kepada rakyat Malaysia," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar yakin hubungan antara Malaysia dan China akan terus disemarakkan, khususnya dalam lapangan perdagangan dan ekonomi melalui Inisiatif Jalur Sutera Baru demi manfaat bersama.

"Sekalung tahniah buat semua pihak yang terbabit dengan acara lawatan rasmi ini, terutamanya pihak kedutaan Malaysia di Beijing dan media tempatan yang komited dan berdedikasi menjayakannya demi rakyat dan negara tercinta," katanya.